

05 MAR 2002

Bantuan--Hon/I

KERAJAAN TIDAK BERCADANG KAJI SEMULA PERUNTUKAN KEPADA SEKOLAH

SIBU, 5 Mac (Bernama) -- Kerajaan tidak bercadang mengkaji semula peruntukan yang diberi kepada sekolah bantuannya seperti sekolah mubaligh bagi tujuan pembangunan fizikal.

Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Hon Choon Kim berkata walaupun kementerian lazimnya memberikan jumlah tertentu sebagai bantuan, tetapi terpulanglah kepada sekolah berkenaan untuk mencari wang sendiri bagi memenuhi keperluannya.

Bercakap kepada pemberita selepas menghadiri taklimat tentang program pembesaran tiga bekas sekolah mubaligh iaitu SRB dan SMB Sacred Heart dan SMB St Elizabeth di sini yang menelan belanja RM15 juta, beliau berkata pada asasnya, sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan kini tidak banyak berbeza.

"Guru serta kakitangan lain disediakan oleh Kementerian Pendidikan yang juga membayar gaji mereka. Ia juga menyediakan makmal sains dan keperluan lain yang kuantitinya bergantung kepada jumlah murid," katanya.

Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan Negeri Datuk Wong Soon Koh yang hadir pada majlis taklimat itu pula berkata, sebuah jawatankuasa kabinet negeri telah ditubuhkan bagi mengkaji pelbagai masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah mubaligh.

Katanya jawatankuasa lima anggota itu diketuai Timbalan Ketua Menteri Tan Sri George Chan.

Anggota lain ialah seorang lagi Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Alfred Jabu, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Adenan Haji Satem dan Menteri Pembangunan Tanah Datuk Micheal Manyin, dan juga Wong.

Katanya, Chan merancang membawa anggota jawatankuasa itu mengunjungi Kementerian Pendidikan dan juga menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membincangkan masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah berkenaan.

--BERNAMA

ESS SP MAI